

SOALAN LAZIM

PELAKSANAAN PERALIHAN KEPADA SISTEM ePERMIT BAHARU [KOD OGA 'MIT' KEPADA KOD OGA 'PDN'] BAGI PERMOHONAN PERMIT IMPORT DAN EKSPORT GULA SERTA PERMIT EKSPORT SIMEN DAN KLINKER

- 1) **SOALAN:** Adakah terdapat apa-apa perkara yang perlu saya lakukan sekarang berikutan pelaksanaan peralihan kepada Sistem ePermit Baharu [Kod OGA 'PDN']?

JAWAPAN:

- Syarikat perlu mengemukakan **pencalonan** pegawai yang akan menghadiri sesi kesedaran sistem dan latihan melalui pautan <https://forms.gle/vSVc2DBLLmgUSP2j8> sebelum 29 Jun 2026.
- Sesi kesedaran dan latihan akan diadakan **secara dalam talian (online)**. E-mel jemputan beserta pautan akan dihantar kepada pegawai yang telah mengesahkan kehadiran.
- E-mel jemputan akan dihantar pada 30 Jun 2026.
- Syarikat adalah diingatkan supaya melaksanakan perancangan import dan eksport sebaiknya agar tiada keperluan untuk syarikat mengemukakan permohonan permit import atau eksport baharu antara 11 Julai hingga 13 Julai 2026 kerana tiada penghantaran permohonan permit boleh dibuat semasa tempoh tersebut.

- 2) **SOALAN:** Apakah komoditi yang terlibat dalam proses peralihan ini? Peralihan ini melibatkan permohonan kelulusan permit bagi:

JAWAPAN:

Gula: Permit import dan eksport (Kod HS 1701 dan 1702)

Simen dan Klinker: Permit eksport sahaja (Kod HS 2523.10.10 00 hingga 2523.29.90 00)

- 3) **SOALAN:** Mengapakah peralihan kod OGA ini dilaksanakan?

JAWAPAN:

Peralihan ini dibuat selaras dengan pemindahan portfolio kawal selia komoditi gula dan simen daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Ini membolehkan KPDN menguruskan dan menyesuaikan sistem sendiri.

4) SOALAN: Bilakah Sistem ePermit baharu (Kod OGA 'PDN') akan mula beroperasi?

JAWAPAN:

Sistem ePermit di bawah kod baharu "PDN" dijadualkan mula beroperasi sepenuhnya (*go live*) pada 14 Julai 2026 (Selasa), jam 9.30 pagi.

5) SOALAN: Bilakah tarikh akhir untuk saya menggunakan sistem lama (Kod OGA 'MIT')?

JAWAPAN:

Sistem bagi kod OGA "MIT" akan ditutup sepenuhnya pada 10 Julai 2026 (Jumaat) jam 11.59 malam. Semua permohonan menggunakan kod ini mesti dihantar sebelum waktu tersebut. Permohonan baharu hanya boleh dikemukakan bermula jam 9.30 pagi pada 14 Julai 2026 melalui Sistem ePermit yang baharu (Kod OGA 'PDN').

6) SOALAN: Apakah yang akan terjadi kepada permohonan yang telah dihantar sebelum penutupan sistem lama pada 10 Julai 2026?

JAWAPAN:

Permohonan yang telah dihantar sebelum jam 11.59 malam pada 10 Julai 2026 akan diproses seperti biasa melalui Sistem ePermit lama.

7) SOALAN: Bagaimana jika permohonan saya yang diproses di bawah sistem lama ditolak (*reject*) selepas tarikh 10 Julai 2026?

JAWAPAN :

Sekiranya permohonan anda ditolak selepas tarikh penutupan, anda perlu mengemukakan permohonan yang baharu menggunakan Sistem ePermit yang baharu (Kod OGA 'PDN') bermula 14 Julai 2026, jam 9.30 pagi.

- 8) **SOALAN:** Saya ada permohonan yang belum dihantar dan masih berstatus 'Draf' dalam sistem lama. Bolehkah ia dibawa masuk ke sistem baharu?

JAWAPAN:

Tidak. Mana-mana permohonan yang masih berstatus 'Draf' di dalam sistem lama perlu diisi dan dihantar semula sebagai permohonan baharu di dalam sistem OGA 'PDN'

- 9) **SOALAN:** Saya adalah pendaftar pengguna baharu tetapi masih belum diluluskan, apakah yang perlu saya lakukan?

JAWAPAN:

Pengguna baharu boleh membuat pendaftaran melalui portal dagangnet (<https://registration.dagangnet.com.my>) pada bila-bila masa.

Nota: Pengguna tidak perlu membuat pendaftaran melalui portal pendaftaran MITI.

- 10) **SOALAN:** Bilakah syarikat boleh mula membuat pendaftaran atau melanggan (*subscribe*) kod OGA 'PDN' yang baharu?

JAWAPAN:

Pengguna boleh mula melanggan kod OGA "PDN" bermula pada 3 Julai 2026 (Jumaat). Walau bagaimanapun, anda belum boleh menghantar sebarang permohonan sehinggalah tarikh sistem beroperasi pada 14 Julai 2026 jam 9.30 pagi.

- 11) **SOALAN:** Adakah sebarang latihan akan diberikan kepada pengguna bagi mengendalikan sistem baharu ini?

JAWAPAN:

Ya. Sesi Kesedaran Sistem kepada Pengguna akan diadakan pada 2 Julai 2026 (Khamis). Syarikat hanya perlu mengemukakan pencalonan pegawai yang akan menghadiri sesi kesedaran sistem dan latihan melalui pautan <https://forms.gle/vSVc2DBLLmgUSP2j8> sebelum 29 Jun 2026. Pada masa yang sama, jemputan masih juga akan dihantar melalui e-mel berdasarkan maklumat perhubungan yang direkodkan di dalam Sistem ePermit sedia ada.

12) SOALAN: Apakah tindakan persediaan awal yang perlu diambil oleh pihak syarikat/pengguna?

JAWAPAN:

- Syarikat adalah diingatkan supaya melaksanakan perancangan import dan eksport sebaiknya agar tiada keperluan untuk syarikat mengemukakan permohonan permit import atau eksport baharu antara 11 Julai hingga 13 Julai 2026 kerana tiada penghantaran permohonan permit boleh dibuat semasa tempoh tersebut
- Selain itu, Syarikat perlu mengemukakan **pencalonan** pegawai yang akan menghadiri sesi kesedaran sistem dan latihan melalui pautan <https://forms.gle/vSVc2DBLLmgUSP2j8> sebelum 29 Jun 2026.
- Sesi kesedaran dan latihan akan diadakan **secara dalam talian (online)**. E-mel jemputan beserta pautan akan dihantar kepada pegawai yang telah mengesahkan kehadiran.
- E-mel jemputan akan dihantar pada 30 Jun 2026.

13) SOALAN: Jika saya telah melanggan (*subscribe*) kod OGA 'PDN' pada 26 Jun 2026, bolehkah saya terus menghantar permohonan menggunakan kod baharu tersebut pada hari yang sama?

JAWAPAN:

Tidak boleh. Walaupun fungsi langganan telah dibuka bermula 3 Julai 2026, tiada sebarang permohonan boleh dikemukakan di bawah kod "PDN" sehinggalah tarikh *go live* pada 14 Julai 2026. Semua permohonan sebelum 10 Julai 2026, jam 11.59 malam masih menggunakan kod OGA "MIT".

14) SOALAN: Adakah tarikh pelancaran sistem pada 14 Julai 2026 ini muktamad?

JAWAPAN:

Pihak KPND akan memaklumkan sebarang maklumat lanjut mengenai tarikh pelaksanaan *go live* ini dari semasa ke semasa sekiranya terdapat sebarang perubahan.